

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
[BETONG]
TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha dan pelan tindakan Kementerian bagi membendung penularan Penyakit *African Swine Fever* yang telah mengakibatkan kemusnahan industri khinzir di beberapa negara ASEAN.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Penyakit *African Swine Fever* (ASF) berpunca daripada virus famili *Asfaviridae*, merupakan penyakit demam berdarah akut yang menyerang ternakan babi dan babi liar. ASF adalah penyakit yang boleh menyebabkan 100% kematian dalam tempoh dua (2) hingga 10 hari pada babi yang dijangkiti. Namun demikian, penyakit ASF tidak bersifat zoonotik, iaitu tidak menjangkiti manusia.
2. Kemasukan penyakit ASF ke Malaysia akan memberikan kesan negatif terhadap industri babi negara yang memegang sebanyak 13% daripada keseluruhan nilai industri ternakan di Malaysia dengan nilai pelaburan berjumlah RM5 billion.

NO. SOALAN: 14

3. Wabak ASF telah disahkan melanda 10 negara Asia iaitu China, Mongolia, Vietnam, Kemboja, Korea Utara, Laos, Myanmar, Filipina, Korea Selatan dan Timor Leste. Negara-negara yang masih bebas ASF seperti Thailand dan Australia telah mengambil langkah-langkah kawalan di pintu masuk negara untuk mengawal kemasukan produk-produk berasaskan babi dari negara-negara yang terjangkit.
4. Dalam hubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah melaksanakan pelbagai usaha dan merangka pelan untuk membendung penularan penyakit *African Swine Fever* (ASF) dari memasuki negara ini seperti berikut: -
 - i. mengadakan mesyuarat penyelarasan dan kerjasama strategik dengan Kementerian dan agensi yang berkepentingan seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, dan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi memperkemas aspek kawalan bersepadu di semua pintu masuk negara dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan menghadapi wabak;
 - ii. mengeluarkan surat larangan pengimportan babi dan produk babi daripada enam (6) negara iaitu China, Poland, Belgium, Thailand, Vietnam dan Kemboja;
 - iii. menjalankan pemeriksaan di pintu-pintu masuk utama negara yang melibatkan aktiviti pemeriksaan ke atas produk dan daging babi dari negara-negara berisiko;
 - iv. menjalankan pengawasan klinikal di ladang-ladang babi komersial di lapan (8) buah negeri di Semenanjung Malaysia termasuk sampel daripada babi hutan di tujuh (7) negeri di Semenanjung Malaysia;

- v. mengadakan latihan simulasi wabak ASF untuk menguji kesiapsiagaan setiap agensi yang terlibat jika wabak ASF dikesan di negara ini serta menguji pelan kontigensi ASF yang telah dibangunkan;
 - vi. membuat *inflight announcement* bagi memastikan penumpang tidak membawa masuk produk berasaskan babi secara *hand carry*. Pemeriksaan ketat bagasi dan *hand carry* oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan MAQIS bagi penumpang dari China, Hong Kong, Macau, Mongolia, Vietnam, Cambodia dan Laos;
 - vii. mengadakan sesi libat urus dengan operator pengurusan sisa di pelabuhan-pelabuhan seluruh negara bagi memberikan taklimat tatacara pelupusan sisa berasaskan haiwan daripada kapal dagang; dan
 - viii. melaksanakan kempen kesedaran awam kepada penternak babi mengenai penyakit ASF di semua negeri.
5. Kementerian melalui DVS dan MAQIS akan terus memantau dan memberikan maklumat-maklumat terkini berkaitan situasi penyakit ASF dari dalam dan luar negara bagi memastikan Malaysia kekal bebas daripada penyakit tersebut.

Sekian, terima kasih.